

Banjir kilat belum pulih



25 keluarga mangsa banjir ditempatkan di pusat pemindahan di Masjid Nurul Iman sejak kelmarin.

PUCHONG – Banjir di empat kampung termasuk Kampung Tengah dan Kampung Kuala Sungai Baru yang menyebabkan lebih 50 rumah tenggelam malam kelmarin surut namun belum pulih sepenuhnya.

Difahamkan, 25 keluarga mangsa banjir masih ditempatkan di pusat pemindahan, Masjid Nurul Iman Kampung Tengah sejak malam kelmarin dan dijangka pulang ke rumah hari ini.

Penghulu Kanan Daerah Petaling, Arzmi Mohd Atan berkata, 91 keluarga terlibat dalam bencana itu apabila paras air Sungai Klang naik mendadak selain kuantiti hujan luar biasa.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 25 keluarga dengan jumlah 130 penghuni ditempatkan di masjid apabila air melimpah masuk ke

rumah mereka dan tidak selamat dihuni.

Katanya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menghantar makanan, keperluan tilam dan tikar untuk kemudahan semua mangsa.

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), wakil rakyat dan pihak polis turut memberikan kerjasama.

“Setakat ini 91 keluarga dengan jumlah penghuni seramai 485 orang berdaftar dengan pihak kami. Pusat pemindahan di masjid ini akan ditutup sepenuhnya esok (hari ini) selepas keadaan pulih sepenuhnya,”katanya.

Arzmi mendakwa, pihaknya kesal apabila dalam keadaan kelam kabut menghadapi bencana, lima kereta dipecahkan termasuk miliknya oleh pihak tidak bertanggungjawab.